

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitiyor@hmetro.com.my

Kota Bharu

Kerajaan Kelantan bersedia duduk semeja dengan Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah banjir yang melanda negeri ini saban tahun.

Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob berkata, kerajaan negeri bakal menghantar wakil bagi berbincang kaedah mengawal banjir.

“Kita sedia kerana Kerajaan Pusat mahu tolong Kelantan menyelesaikan masalah itu.

“Peruntukan RM800 juta yang diumumkan Kerajaan Pusat untuk projek tebatan banjir di Kelantan itu disambut baik,” katanya.

Ahmad berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Perdagangan Karbon Dalam Hutan Simpan Kekal di antara kerajaan negeri dengan Climate Protector Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya

Tang Too Siah, di sini, semalam.

Harian Metro sebelum ini melaporkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mencadangkan wakil Kerajaan Pusat iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed duduk semeja dengan Ahmad bagi berbincang dan menyelesaikan masalah banjir di Kelantan.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, setakat ini Kerajaan Pusat belum mengemukakan secara rasmi berhubung perbincangan itu.

“Jika betul nak bincang hal banjir, kita tiada masalah dan ada persefahaman. Banjir kali ini biasa kerana berlaku di kawasan sama setiap tahun.

“Daripada pengalaman lalu, selepas ini dijangka tiada lagi banjir apabila memasuki gelombang ketiga dan disusuli hujan sahaja,” katanya.



AHMAD (tengah) menandatangani perjanjian Projek Perdagangan Karbon Dalam Hutan Simpan Kekal, semalam.

FOTO: MUHD FARIS ZAINULDDIN

BAH MELANDA

Sedia duduk semeja

■ **Kelantan bakal hantar wakil bincang kaedah kawal banjir**